

29 JUL 1997

Asean-Hak asasi

ASIA DAN BARAT BERTENTANG PENDAPAT MENGENAI HAK ASASI MANUSIA

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Satu pertikaman lidah mengenai cadangan Malaysia supaya Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tercetus antara beberapa negara Asia dengan Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU) di sini hari ini.

Kedua-dua sekutu barat itu dengan keras menentang cadangan itu, menyifatkannya sebagai percubaan yang serius untuk "mencairkan" deklarasi itu, dan ini dibangkang keras terutamanya oleh Indonesia, Malaysia, Filipina dan China.

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata masanya sudah tiba deklarasi mengandungi 16 peraturan itu disemak semula.

"Saya tidak mengharapkan AS untuk berkata ya, ya dan ya. Mereka mempunyai pendapat yang kukuh tetapi kita juga mempunyai pendapat yang sama kukuh. Ini soal interpretasi dan soal persepsi bagaimana kita melihatnya.

"Apabila kita memperkatakan mengenai hak asasi manusia, sudah tentu ia ada bersangkut paut dengan situasi kita sekarang, pengalaman kita sendiri dan harapan kita dan apa yang kita mahu capai," katanya.

Pertikaman lidah itu berlaku pada sidang berita bersama yang menandakan berakhirnya Persidangan Selepas Mesyuarat Peringkat Menteri Asean yang berlangsung selama dua hari di sini.

Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas berkata beliau hairan kerana cadangan supaya deklarasi itu disemak semula "dengan segera ditafsirkan sebagai pencairan hak individu" kerana ia bukannya semestinya atau secara automatik bertujuan sebegitu.

"tetapi semua orang tahu bahawa hak asasi manusia tidak hanya mengandungi hak individu, politikal atau sivil. Ia telah berkembang dari segi persepsi di dunia dan masyarakat sekarang lebih sedar mengenai hak ekonomi, hak kebudayaan dan hak sosial yang sama pentingnya," katanya.

Alatas berkata bahawa perlu ada "persamarataan dalam menangani hak-hak ini dan dalam mengambil kira jangka masa, saya tidak fikir kita tidak perlu menjadi jumud sehingga mahu mengatakan bahawa ia tidak boleh disemak semula."

Semakan semula akan membolehkan dilihat sama ada terdapat perseimbangan yang lebih baik boleh diwujudkan yang selari dengan "keadaan sebenar di dunia sekarang", katanya.

Lagi pula, tambahnya, sejak deklarasi itu diderafkan pada tahun 1948 selepas Perang Dunia Kedua, terdapat 120 negara membangun yang mencapai kemerdekaan mereka yang tidak turut serta menderafkan dokumen deklarasi itu.

Sementara Setiausaha Luar Filipina Domingo Siazon juga turut menyokong rakan-rakan sejawatannya dalam Asean, China turut masuk campur dan menyelar AS kerana mengeluarkan laporan hak asasi manusia negara-negara lain dan tidak mengeluarkan laporan mengenainya sendiri.

Menteri Luar China Qian Qichen berkata Beijing telah menyediakan laporan mengenai keadaan hak asasi manusia di AS "tetapi saya tidak nampak banyak komen mengenainya dalam media AS."

Sambil menyatakan China telah mematuhi 17 konvenen hak asasi manusia dan AS hanya 15, Qian, yang bercakap menggunakan jurubahasa, berkata: "Sekiranya kita perlu mempunyai standard hak asasi manusia yang diseragamkan kita masih lagi belum mempunyai satu hakim yang boleh menentukan sama ada sesuatu negara salah atau betul dari segi hak asasi manusia."

Setiausaha Rendah Ekonomi, Perniagaan dan Pertanian AS, Stuart E. Eizenstat, yang mewakili Setiausaha Negara Madeleine Albright yang berlepas pagi ini, berkata deklarasi PBB itu tidak mewakili nilai AS atau barat tetapi satu rangkaian nilai sejagat yang memberi penghormatan kepada individu.

"Menghormati individu tidak berlawanan dengan kestabilan sosial atau kemakmoran ekonomi. Ia menjamin hak-hak asasi pemberian tuhan kepada setiap orang," katanya.

Eizenstat kemudiannya berkata apa-apapun hak tambahan yang akan dicadangkan dalam semakan semula itu tidak boleh dilakukan dalam konteks memindakan deklarasi PBB itu mengenai hak politik tetapi mengenai hak-hak sosial, pekerja dan pendidikan.

Mengulas komen menteri-menteri Asean itu, Eizenstat berkata nampaknya terdapat percanggahan antara kebebasan individu dan pertumbuhan ekonomi serta kestabilan politik.

"Ia adalah percanggahan yang tidak wujud dan tidak pernah wujud," kata Eizenstate.

Dalam menyokong AS, wakil EU Michiel Patijn, Timbalan Menteri Luar Belanda, berkata kesatuan itu sangat keberatan untuk memulakan proses berkenaan.

Menteri Luar Australia Alexander Downer tidak fikir cadangan semakan semula itu akan mendapat sokongan yang cukup.

"Saya tidak fikir kita akan dapat menyaksikan pembukaan semula sepenuhnya Kovenyen PBB mengenai hak asasi manusia. Saya tidak nampak sokongan yang cukup dalam sistem PBB," katanya apabila ditemui selepas sidang berita itu.

Downer berkata beliau tidak berapa terkejut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mencadangkan semakan semula itu.

"Ada perbincangan mengenai sama ada terdapat nilai-nilai Asia dan definisi hak asasi manusia Asia yang berbeza dari negara-negara lain. Terdapat perbezaan pendapat mengenainya dalam Asia," katanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata Malaysia hanya mencadangkan peraturan-peraturan tertentu dalam deklarasi di semakan semula dan masih tetap mendukung prinsip-prinsip sejagat dan asas piagam itu.

"Apa yang perlu dibincangkan ialah beberapa peraturan tertentu seperti ekonomi dan perlindungan sosial serta proses demokrasi....ini adalah satu permintaan yang munasabah" kata beliau kepada pemberita selepas menerima kunjungan Downer pagi tadi.

Abdullah berkata Wisma Putra akan membuat penyusulan mengenai cadangan itu dan akan mengemukakannya kepada PBB. -- BERNAMA

TM RM WAT